

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]**

**TARIKH : 19 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN HAJI AHMAD BIN HASSAN [ PAPAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sektor-sektor pekerjaan berskala kecil dan sederhana di negeri Sabah yang termasuk dalam 1,846 penerima bantuan Program Pengekalan Pekerjaan dari kalangan majikan, dan bagaimanakah ia mampu memotivasi para majikan untuk mengekalkan kakitangan mereka yang sedia ada biarpun mengalami kemerosotan keuntungan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah memperkenalkan Program Pengekalan Pekerjaan COVID-19 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) sebagai salah satu langkah untuk membantu pihak majikan yang terjejas akibat pandemik COVID-19 mengekalkan kelangsungan pendapatan pekerja mereka yang diarah mengambil cuti tanpa gaji.

Bagi negeri Sabah, sebanyak lebih 1,800 pekerja telah memanfaatkan program ini. Daripada jumlah ini, sebanyak 29 peratus adalah daripada sektor perkhidmatan, diikuti sektor penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman sebanyak 16 peratus serta sektor perdagangan borong dan runcit termasuk bengkel pembaikan kenderaan sebanyak 14 peratus.

Mulai 15 Jun 2020, Program Pengekalan Pekerjaan telah digabungkan dengan Program Subsidi Upah (PSU). PSU telah berjaya membantu majikan dengan mengekalkan pekerja dengan menampung sebahagian kos gaji pekerja. Setakat 30 Oktober 2020, sebanyak RM12.16 bilion telah disalurkan kepada sebanyak lebih daripada 322 ribu majikan di seluruh negara dan memanfaatkan seramai 2.64 juta pekerja. Kini di bawah KITA PRIHATIN, Kerajaan telah melanjutkan tempoh PSU kepada 3 bulan lagi bagi membantu majikan yang masih terkesan mengekalkan pekerjaan.

Sekian, terima kasih.